



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 8/2011 (20 hingga 26 Februari 2011)

Pada minggu kelapan tahun 2011 iaitu bagi tempoh 20 hingga 26 Februari 2011, sejumlah 430 kes Demam Denggi dengan satu kematian telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 10 kes berbanding 420 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lima buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 26 kes (19%), Perak 15 kes (94%), Pahang 8 kes (47%), P.Pinang 3 kes (9%) dan N.Sembilan meningkat sebanyak 2 kes (3%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 26 Februari 2011 adalah 3,712, penurunan sebanyak 56% atau 4,637 kes berbanding dengan 8,349 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 77% atau 24 kematian, di mana terdapat 7 kematian bagi tahun 2011 berbanding 31 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dari Johor. Kes melibatkan seorang lelaki berusia 63 tahun yang juga menghidap *Diabetes Mellitus*, telah mengalami komplikasi iaitu Demam Denggi Berdarah dan meninggal dunia pada 23 Februari selepas seminggu dijangkiti Denggi. Tindakan kawalan iaitu semburan

kabus telah dijalankan dikawasan kediaman pesakit bagi memastikan tiada lagi kes jangkitan Demam Denggi di kawasan ini.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 109 lokaliti wabak di 30 buah daerah di seluruh negara dan sembilan daripadanya merupakan lokaliti *hot spots*. Negeri Selangor mempunyai jumlah lokaliti *hot spots* yang terbanyak iaitu 6 lokaliti iaitu kesemuanya di daerah Gombak dan 5 daripada lokaliti *hot spots* ini adalah di kawasan Majlis Perbandaran Selayang iaitu Kg Baru Sg Terentang, Taman Tun Teja Apartment Rawang, Taman Muhibbah Rawang, Selayang Baru K4 dan Apartment Dahlia Bandar Country Homes . Manakala Taman Ukay Perdana (Zon 2) terletak di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Di WP Kuala Lumpur, terdapat 2 lokaliti hot spots iaitu masing-masing di Taman Miharja (Fasa 1) dan RKAT Ampat Tin dan satu lokaliti *hot spots* dari negeri Johor iaitu di Kg Pasir.

Tiga daripada 9 *hotspots* ini telah mengalami wabak melebihi 2 bulan. Kadar pembiakan Aedes yang tinggi masih terus dilaporkan di kawasan *hot spots*. Selagi masih terdapat tempat-tempat pembiakan Aedes, selagi itu lah masalah Denggi sukar dibendung. Penglibatan Ketua masyarakat dalam mengerakkan masyarakat setempat untuk melaksanakan aktiviti gotong-royong amat diperlukan. Aktiviti membersihkan dan memusnahkan tempat pembiakan oleh masyarakat hendaklah dilakukan setiap minggu agar nyamuk penyebar virus Denggi dapat dihapuskan. Ini adalah kerana kitaran hidup daripada telur untuk menjadi nyamuk dewasa hanya mengambil masa seminggu sahaja. Di samping itu, kerjasama semua penghuni di sesuatu taman perumahan sangat penting bagi membebaskan rumah mereka dari pembiakan Aedes. Jika ada sebuah rumah yang membiak Aedes, jirannya juga berisiko dijangkiti Denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 1 kes dilaporkan untuk tempoh 20 hingga 26 Februari 2011, berbanding 3 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 7 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 416 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

28 Februari 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 8/2011
(20 hingga 26 Februari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 8/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 8/2010
		Minggu 8 (20 – 26 Februari 2011)	Minggu 7 (13 – 19 Februari 2011)		
1	Perlis	0	1	19	25
2	Kedah	9	9	99	69 (1)
3	P. Pinang	35	32	300	215 (2)
4	Perak	31	16	238	219
5	Selangor	162	136	1,302 (1)	3,864 (17)
6	WPKL & Putrajaya	37	39	258	760 (2)
7	N. Sembilan	12	10	98	460 (1)
8	Melaka	12	13	92	74 (1)
9	Johor	45 (1)	62	396 (4)	483
10	Pahang	25	17	210 (1)	207 (1)
11	Terengganu	19	28	195 (1)	189
12	Kelantan	14	17	156	143
13	Sarawak	16	25	234	1,218 (5)
14	Sabah	13	15	111	416 (1)
15	WP Labuan	0	0	4	7
	MALAYSIA	430 (1)	420	3,712 (7)	8,349 (31)

Nota: () Kematian

KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 8/2011
(20 hingga 26 Februari 2011)

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 8/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 8/2010
		Minggu 8 (20 – 26 Februari 2011)	Minggu 7 (13 – 19 Februari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	1
4	Perak	0	0	0	1
5	Selangor	0	0	0	10
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	1	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	1	1	389
14	Sabah	1	1	5	4
15	WP Labuan	0	0	0	6
	MALAYSIA	1	3	7	416

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 8
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	32	87
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	20	75
3	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	9	51
4	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K4	23	44
5	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 2)	16	42
6	SELANGOR	MPS (GB)	Apartment Dahlia Bandar Country Homes	5	31
7	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	17	81
8	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	9	31
9	JOHOR	MBJB	Kg Pasir	13	35

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 8
BAGI TAHUN 2011
(20 hingga 26 Februari 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Muhibbah Rawang	11.1	11
2	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 2)	6.7	7
3	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Appt Rawang	5.3	5